

**TEKS UCAPAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
HYATT KINABALU INTERNATIONAL HOTEL, SABAH
MAJLIS JAMUAN MAKAN MALAM
21 MAC 1990**

Yang Amat Berhormat Datuk Joseph Pairin Kitingan, Ketua Menteri Sabah dan Yang Amat Berbahagia Datin Genieve Pairin; Yang Berhormat Menteri-Menteri; Dif-Dif Kehormat; Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Assalamu 'alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Saya bagi pihak diri saya dan juga ahli-ahli rombongan BAKTI ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dan isteri serta Kerajaan Negeri Sabah kerana telah memberi sambutan yang begitu istimewa setibanya rombongan kami di bandar Kota Kinabalu yang indah ini. Sambutan yang disertai dengan berbagai-bagai acara kebudayaan yang begitu meriah dan penuh warna warni akan menjadi kenangan abadi bagi kami ahli-ahli BAKTI sekalian.

2. BAKTI juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Negeri Sabah kerana telah bersusah payah mengatitkan program-program lawatan yang tersusun begitu cara hingga walaupun lawatan BAKTI hanyalah untuk jangkamasa yang begitu singkat namun kami dapat bertemu dengan pertubuhan-pertubuhan wanita dan masyarakat di negeri ini pada amnya dan melawat tempat-tempat yang menarik.

3. Hasrat utama rombongan BAKTI ke Negeri Sabah ialah untuk mengeratkan jalinan persahabatan di antara BAKTI dengan Pertubuhan-pertubuhan Wanita Negeri Sabah. Bak kata pepatah "Kalau tak kenal maka tak cinta". Oleh kerana itulah kami Ahli-ahli BAKTI datang ke sini untuk berkenalan secara lebih rapat lagi dengan kaum wanita di negeri ini. Melihat daripada aturcara yang telah diaturkan saya yakin hasrat utama kami seperti yang telah saya sebutkan tadi akan tercapai.

4. BAKTI amat yakin kepada persahabatan melalui sukan. Pada pagi tadi, ahli-ahli rombongan BAKTI telah berpeluang mengambil bahagian dalam perlawanan persahabatan badminton. Dalam perlawanan ini kedua-dua pihak telah berusaha bersungguh-sungguh untuk meraut kejayaan. (Walaupun kami akhirnya telah BERJAYA MENANG dalam perlawanan ini namun kemenangan kami bukanlah diperolehi dengan mudah. Pihak lawan telah bermain dengan begitu tangkas dan memberi tentangan yang sangat hebat sekali kepada kami. Kami ahli-ahli BAKTI telah terpaksa berhempas pulas sebelum mencapai kejayaan. Jadi maafkanlah kami jika pada malam ini kami kelihatan letih sedikit dan kurang bermaya).

4a. Saya mengucapkan tahniah kepada Pasukan Badminton tuan rumah kerana menang dengan begitu cemerlang sekali. Tidak dapat dinafikan bahawa pasukan tuan rumah adalah kuat dan berazam bermain dengan begitu tangkas dan hebat. Syabas.

5. Dalam tahun ini juga, perlawanan persahabatan Piala Pusingan Perdana akan diadakan di Kota Kinabalu antara pasukan-pasukan isteri pemimpin.Negeri-negeri dalam Malaysia secara acara tahunan. Saya mengambil kesempatan ini merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berbahagia Datin Genieve, Ketua Pasukan Badminton Sabah, atas pelawaan dan kesanggupan beliau menjadi tuan rumah kepada perlawanan itu pada tahun ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih dan penghargaan tinggi kepada kerajaan negeri Sabah kerana memberi sokongan penuh terhadap rancangan ini.

6. Melalui perlawanan persahabatan badminton tahunan yang telah diadakan semenjak tahun 1984 sahajalah isteri pemimpin-pemimpin semua negeri dapat berkenal-kenalan dan bernesra antara satu sama lain sambil bersaing dalam perlawanan badminton. Acara tahunan ini pasti mendatangkan banyak manfaat kerana perasaan persaudaraan melalui persembahan kebudayaan juga diadakan pada sebelah malam.

Puan-puan dan tuan-tuan,

7. Pada petang tadi BAKTI berpeluang menemui beberapa pertubuhan dan persatuan wanita di negeri Sabah. Dengan adanya pertemuan ini, selain daripada dapat berkenalan dengan ahli-ahli pertubuhan wanita di sini kesempatan ini juga dapat digunakan untuk bertukar-tukar fikiran dan pendapat di antara kita. Dengan cara ini sudah tentu jalinan persahabatan antara BAKTI dan masyarakat wanita negeri Sabah terutamanya yang menjadi ahli-ahli persatuan pertubuhan wanita akan menjadi lebih mesra.

7. Adalah menjadi harapan saya dan juga ahli-ahli BAKTI sekalian supaya perhubungan erat yang dijalin ini tidak berakhir setakat ini sahaja. Oleh itu saya ingin mengambil kesempatan untuk mengundang pertubuhan-pertubuhan wanita negeri Sabah untuk membuat lawatan ke Semenanjung pula. Dengan cara ini sahajalah hubungan silatullahim antara pertubuhan-pertubuhan wanita negeri ini dan Semenanjung akan terus berkekalan dan semakin erat.

8. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada persatuan dan pertubuhan-pertubuhan wanita negeri ini yang telah memberi layanan yang begitu mesra yang tidak mungkin kami lupakan. Kenangan- kenangan manis ini akan kami bawa bersama- sama balik ke Semenanjung.

9. Setinggi terima kasih juga kepada Yang Amat Berhormat Datuk Joseph Pairin Kitingan dan kerajaan negeri Sabah di atas segala persiapan yang telah dilakukan untuk membuat lawatan rombongan BAKTI begitu selesa dan penuh muhibah.

Sekian, terima kasih.